

SYARAT-SYARAT YANG BERKUAT KUASA KE ATAS SEWAAN PETI SIMPANAN SELAMAT

1. Bagi tujuan syarat-syarat yang berkuat kuasa ke atas sewaan peti simpanan selamat ("**Syarat-syarat**") ini:
 - (i) "Perjanjian" bermakna, secara kolektifnya, Perjanjian untuk Menyewa Peti Simpanan Selamat dan Syarat-syarat ini;
 - (ii) "Bank" bermakna RHB BANK BERHAD (No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M));
 - (iii) "Peti" bermakna peti simpanan selamat yang dipersetujui untuk disewa;
 - (iv) "Penyewa" bermaksud pelanggan atau para pelanggan (penyewaan bersama) sebenar yang menyewa Peti dan termasuk sesiapa yang diberi kuasa oleh Penyewa untuk mengendalikan dan mengakses Peti di bawah mandat (dalam borang Bank) yang ditandatangani oleh orang yang menyewa Peti;
 - (v) mana-mana kata ganti nama lelaki juga merujuk kepada kata ganti nama wanita dan sebaliknya.
2. Selepas menandatangani Perjanjian ini, Penyewa akan:
 - (i) membayar sewa tahunan terlebih terdahulu, bersama deposit untuk anak kunci Peti;
 - (ii) membuka akaun Semasa atau akaun Simpanan RHB dan mengekalkan Arahan Tetap , membenarkan Bank mendebitkan daripada akaun semasa atau akaun simpanannya dengan Bank, jumlah sewa yang perlu dibayar kepada Bank untuk setiap pembaharuan tahunan selanjutnya Perjanjian;
 - (iii) Penyewa mesti memaklumkan cawangan Bank secara bertulis jika penyewa ingin menamatkan atau mengubah Arahan Tetap dan notis tersebut hendaklah sampai ke cawangan Bank sekurang-kurangnya 7 hari kalendar sebelum tarikh pembayaran , dan
 - (iv) berhak untuk masuk dan menggunakan Peti tersebut tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian.
3. Penyewa dibenarkan untuk menggunakan Peti dalam tempoh sewa, untuk menyimpan barangan yang sesuai menurut Perjanjian. Perjanjian tidak akan dan tidak memberikan kepentingan yang lebih besar atau yang lain kepada Penyewa.
4. Bank tidak akan:
 - (i) dianggap sebagai penjamin (*bailee*) bagi kandungan Peti atau mana-mana bahagian kandungannya; mahupun
 - (ii) dipengaruhi oleh notis bagi sebarang amanah atau ekuiti yang dikaitkan kepada kandungan tersebut atau mana-mana bahagian kandungannya.Tertakluk kepada Klausa 8 Syarat-syarat ini, jenis dan nilai kandungannya adalah bukan urusan Bank.
5. Hanya Penyewa akan dibenarkan menggunakan Peti. Beliau tidak dibenarkan untuk menyewakan semula Peti atau mana-mana bahagian Peti.

6. Orang yang diberi kuasa sedia ada seperti yang dinyatakan di bawah Klausula 1 (iv) adalah dianggap diberikan kuasa penuh oleh Penyewa untuk mengeluarkan atau mengendalikan kandungan Peti selepas mengemukakan anak kunci dan tandatangannya disahkan secara memuaskan oleh pihak Bank.
7. Setiap Peti hendaklah mempunyai dua (2) set anak kunci, iaitu anak kunci A yang akan disimpan oleh Bank dan anak kunci B yang akan diberikan kepada Penyewa apabila deposit dibayar.

Penyewa berjanji untuk menyimpan anak kunci B dengan teliti. Jika mana-mana anak kunci B hilang, dicuri atau disalah letak, Penyewa hendaklah serta merta melaporkannya kepada Bank. Bank boleh, atas permintaan Penyewa, mendapatkan kunci B baru dan kos kunci B baru berkenaan hendaklah dibayar oleh Penyewa. Penyewa mengaku janji tidak akan membuat atau mengarahkan dibuat sebarang pendua kekunci B bagi Peti tersebut dalam apa jua keadaan.

Melainkan dan sehingga Bank dimaklumkan dengan sewajarnya tentang kehilangan kunci B, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh Peti dibuka dan kandungannya dikeluarkan oleh sesiapa yang menunjukkan anak kunci dan menyamar sebagai Penyewa, melainkan kerugian atau kerosakan berkenaan disebabkan oleh kecuai berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh Bank.

Semua pembaikan yang perlu dibuat kepada kunci dan/atau anak kunci hendaklah dilakukan secara eksklusif oleh pekerja yang dilantik oleh Bank. Belanja yang timbul daripada kehilangan anak kunci dan atau pembaikan yang timbul selain daripada penggunaan biasa dan munasabah Peti (termasuk kos kunci baru jika perlu) hendaklah ditanggung oleh Penyewa.

8. Penyewa tidak akan menggunakan atau membenarkan Peti digunakan untuk menyimpan:
 - (i) sebarang cecair; atau
 - (ii) sebarang bahan yang boleh meletup, berbahaya atau menyalahi undang-undang; atau
 - (iii) sesuatu yang boleh menjadi gangguan kepada pihak Bank atau penyewa peti simpanan selamat lain; atau
 - (iv) untuk sebarang tujuan lain selain daripada menyimpan barang atau dokumen bernilai.Penyewa, atas permintaan Bank, hendaklah membenarkan Bank memeriksa kandungan Peti untuk memastikan syarat ini dipatuhi.
9. Penyewa boleh menggunakan Peti pada mana-mana hari bekerja semasa waktu perbankan lazim Bank apabila beliau menandatangani permohonan untuk mengakses Peti.

Bank tidak akan terikat untuk membenarkan beliau menggunakan Peti jika tandatangan atau cap jari Penyewa tidak dapat disahkan secara memuaskan oleh pihak Bank.

Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang timbul disebabkan keengganan Bank memberi kebenaran kepada pemohon untuk menggunakan Peti kerana Bank tidak berpuas hati dengan kesahihan tandatangan atau cap jari tersebut.



Bank juga berhak untuk tidak membenarkan Penyewa menggunakan Peti jika sewa tertunggak dan tidak dibayar atau jika terdapat sebarang jumlah hutang dan perlu dibayar oleh Penyewa kepada Bank di bawah Perjanjian.

10. Jika:

- (i) sewa tertunggak atau tidak dibayar untuk satu (1) bulan selepas tarikh tamat tempoh; atau
- (ii) terdapat sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan atau kegagalan melaksanakan mana-mana syarat di bawah Perjanjian di pihak Penyewa,

Bank berhak untuk menamatkan Perjanjian dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari kalendar terlebih dahulu kepada Penyewa dan sewa tahunan semasa yang telah dibayar tidak akan dipulangkan oleh Bank dalam apa jua keadaan.

Sebagai tambahan ke atas lien umum yang Bank berhak ke atasnya menurut undang-undang, Bank mempunyai hak dan kuasa sepenuhnya untuk menolak semua tunggakan sewa tahunan, cukai dan/atau mana-mana jumlah yang terhutang dan perlu dibayar oleh Penyewa daripada baki kredit di dalam mana-mana akaun simpanan, semasa dan/atau tetap yang dipegang oleh Penyewa dalam Bank, dengan notis bertulis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada Penyewa.

11. Perjanjian boleh ditamatkan oleh pihak Bank dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari kalendar terlebih dahulu kepada Penyewa.

12. Dalam hal Penyewa bersama (tanpa mengambil kira mod pengendalian), adalah dipersetujui seperti berikut:

- (i) Sekiranya Perjanjian ditamatkan oleh Penyewa, notis penamatan secara bertulis mesti ditandatangani oleh Penyewa bersama dan kandungan Peti hendaklah dikeluarkan dengan kehadiran Penyewa bersama bergantung pada syarat pengendalian Peti;
- (ii) Sekiranya berlaku kematian salah seorang Penyewa bersama (dengan notis bertulis telah diterima oleh Bank), Bank diberi kuasa untuk menerima kuasa bagi Penyewa yang masih hidup atau mana-mana daripada mereka (jika lebih dari seorang) dan Bank boleh membenarkan Penyewa yang masih hidup (dengan mengemukakan anak kunci B) mengakses, dan bertanggungjawab sepenuhnya atas penyewaan Peti (termasuk hak untuk mengeluarkan atau sebaliknya menguruskan kandungan dalam Peti dan/atau menamatkan Perjanjian). Walau bagaimanapun, Bank tidak terikat untuk membenarkan Penyewa yang masih hidup mengakses Peti jika terdapat sewa tahunan tertunggak dan tidak berbayar atau sejumlah wang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank di bawah Perjanjian atau jika perintah mahkamah mengarahkan sebaliknya. Seterusnya disahkan bahawa dalam mematuhi syarat di sini, Bank tidak akan bertanggungjawab mahupun menanggung liabiliti terhadap Penyewa, wakil sah atau mana-mana pihak atas kerugian, kerosakan atau kemusnahan kandungan Peti dalam apa jua keadaan sekalipun ia terjadi;

13. Sekiranya Perjanjian ditamatkan oleh Penyewa, sewa tahunan semasa yang telah dibayar tidak akan dipulangkan oleh Bank dalam apa jua keadaan. Sekiranya Perjanjian ditamatkan oleh Bank berdasarkan Klausula 11, sebahagian daripada sewa bagi tahun semasa, berkadar dengan jumlah hari yang belum luput yang tertinggal pada tahun itu, akan dipulangkan oleh Bank dengan syarat bahawa sewa bagi tahun semasa telah dibayar oleh Penyewa.

14. Selepas Perjanjian ditamatkan oleh Bank atau Penyewa:

- (i) semua barangan yang disimpan di dalam Peti hendaklah dikeluarkan oleh Penyewa dan anak kunci B dipulangkan kepada Bank.
- (ii) penerimaan anak kunci B akan diperakui oleh Bank dengan memulangkan deposit untuk anak kunci Peti.
- (iii) jika kandungan Peti tidak dikeluarkan atau anak kunci B tidak dipulangkan kepada Bank pada atau sebelum penamatan Perjanjian, Penyewa bertanggungjawab untuk membayar Bank dua kali ganda sewa dari tarikh tamat tempoh sehingga kandungan Peti dikeluarkan dan anak kunci B dipulangkan kepada Bank.

15. Sekiranya anak kunci B tidak dipulangkan kepada Bank:

- (i) dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamatnya Perjanjian di bawah Klausula 11 atau Klausula 12 (i) Syarat-syarat ini; atau
- (ii) dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamatnya Perjanjian di bawah Klausula 10 Syarat-syarat ini,

Bank berhak pada bila-bila masa selepas itu, atas kos yang ditanggung oleh Penyewa, untuk:

- (a) memecah buka Peti; dan
- (b) jika Bank merasakan wajar, membuka penutup apa-apa bungkusan atau bekas dalam Peti atau membuka atau memecah buka apa-apa bekas berkunci, tanpa bertanggungjawab terhadap kerosakan yang berlaku.

Bank berhak untuk:

- (1) menghantar kandungan Peti menerusi pos daftar atau cara lain yang wajar, atas kos dan risiko Penyewa, kepada Penyewa di alamat yang dirujuk dalam Klausula 20; atau
- (2) atas budi bicara Bank, mengekalkan dan menyimpan kandungan tersebut di tempat atau premis lain yang dirasakan wajar oleh Bank, atas risiko Penyewa semata mata dan tanpa Bank bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan akibat daripadanya dan tertakluk kepada caj yang mungkin dikenakan oleh Bank untuk penyimpanan kandungan tersebut

Bank berhak untuk mengenakan jumlah bersamaan dua kali ganda sewa yang perlu dibayar di bawah Perjanjian untuk tempoh yang bermula dari tarikh tamat tempoh Perjanjian sehingga Bank menghantar kandungan Peti kepada Penyewa atau sehingga Penyewa mengeluarkan kandungan Peti atau sehingga kandungan dijual menurut Klausula 16 di bawah, yang mana satu lebih awal.

16. Bank hendaklah mempunyai lien atau gadaian terhadap kandungan dalam Peti yang disewa dan semua jumlah di mana Penyewa mungkin bertanggungjawab terhadap Bank di bawah Perjanjian.

Bank berhak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, selepas berakhirnya enam (6) bulan selepas penamatan Perjanjian, dengan memberi notis bertulis tiga puluh (30) hari kalendar terlebih dahulu kepada Penyewa untuk memecah buka Peti, menjual semua atau mana-mana kandungan Peti.

Selanjutnya, dari perenggan sebelumnya di atas, Bank boleh dengan segera melupuskan (dengan cara sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Bank mengikut budi bicaranya, termasuk mana yang berkenaan, melalui jualan lelongan awam, perjanjian peribadi, pemusnahan atau penyerahan kepada polis atau pihak berkuasa lain), keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan dalam Peti yang disewa dengan kos dan perbelanjaan Penyewa; dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas kerugian atau kerosakan yang mungkin timbul dari atau yang disebabkan olehnya.

Hasil bersih akan digunakan bagi atau terhadap pembayaran wang yang tertunggak kepada Bank bagi sewa atau perbelanjaan berkenaan, dan lebihan hasil penjualan (jika ada) akan disimpan oleh Bank atas perintah Penyewa tanpa sebarang liabiliti di pihak Bank untuk faedah.

17. Sekiranya Penyewa meninggal dunia, wakil peribadinya yang sah di sisi undang-undang, apabila mengemukakan anak kunci B, boleh masuk dan membuka Peti dan mengeluarkan semua kandungannya. Tindakan ini akan menamatkan Perjanjian secara automatik dan sewa tahunan semasa yang telah dibayar tidak akan dipulangkan oleh Bank dalam apa jua keadaan.

Sebelum geran probat atau surat kuasa mentadbir dikeluarkan, Bank boleh menurut budi bicaranya, tanpa bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, membenarkan mana-mana pihak yang mendakwa layak mentadbir harta pusaka Penyewa yang telah meninggal dunia untuk membuka Peti dan memeriksa kandungannya di hadapan pegawai Bank. Orang tersebut tidak dibenarkan untuk mengeluarkan sebarang kandungan dalam Peti kecuali dengan mengemukakan suatu Wasiat atau kertas pemberian Wasiat yang menunjukkan pihak tersebut dilantik sebagai wasi.

18. Sekiranya Penyewa hilang keupayaan akibat hilang akal, maka Perjanjian akan ditamatkan secara automatik dan tanpa notis di mana Penyewa tidak lagi mempunyai hak milik atas Peti tersebut walaupun anak kunci B belum dikembalikan kepada Bank.
19. Sekiranya berlaku kebangkrutan Penyewa atau salah satu Penyewa bersama, tertakluk kepada notis bertulis kepada semua Penyewa, akses ke Peti akan digantung dan Bank hanya akan membenarkan akses ke Peti dengan syarat Penyewa mengemukakan arahan bertulis daripada Ketua Pengarah Insolvency / Jabatan Insolvency Malaysia untuk membenarkan Penyewa yang berkenaan mengakses Peti.

Pihak Bank berhak, tanpa tanggungjawab kepada semua Penyewa Peti untuk memecah buka Peti dan menyerahkan semua kandungan Peti kepada Ketua Pengarah Insolvency / Jabatan Insolvency Malaysia. Penyewa bersama yang tidak melakukan kebangkrutan hendaklah menghubungi Jabatan Insolvency Malaysia untuk menuntut kandungan Peti yang dimiliki oleh mereka.

Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan akibat Peti dipecah buka. Selepas semua kandungan Peti diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvency/Jabatan Insolvency Malaysia, Perjanjian akan ditamatkan secara automatik dan tanpa notis di mana Penyewa tidak lagi mempunyai hak milik atas Peti tersebut walaupun anak kunci B belum dikembalikan kepada Bank. Sewa tahunan semasa yang telah dibayar tidak akan dipulangkan oleh Bank dalam apa jua keadaan.

20. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan kepada kandungan Peti disebabkan kecurian, kebakaran, kecuaian atau apa jua sebab lain, kecuali bagi kerugian atau kerosakan kepada kandungan Peti kerana pecah masuk atau rompakan atau di mana kerugian atau kerosakan berkenaan disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh Bank, dan liabiliti Bank dalam keadaan tersebut hendaklah tidak melebihi jumlah yang dilindungi sebanyak RM10,000.00.

Penyewa boleh, jika dikehendakinya, mendapatkan insuran tambahan bagi kandungan Peti jika nilai kandungan pada pendapatnya melebihi RM10,000.00.

21. Adalah mustahak bagi Penyewa untuk memaklumkan kepada pihak Bank sebarang perubahan pada butir-butir perhubungan Penyewa agar urusan surat menyurat sampai kepada Penyewa dalam masa yang ditetapkan.

Sebarang notis yang ditinggalkan atau dihantar melalui pos dalam sampul surat yang dialamatkan kepada Penyewa di alamat yang diberikan kepada Bank atau di alamat lain yang dimaklulkannya kepada Bank dari masa ke masa kepada Bank untuk menggantikan alamat terdahulu yang diberikan, hendaklah dianggap telah diserahkan kepada Penyewa selepas penghantaran melalui pos walaupun beliau mungkin telah meninggal dunia atau tidak lagi tinggal di alamat berkenaan atau telah meninggalkan negara.

22. Pihak Bank berhak untuk mengenakan dan/atau mengubah kadar sewa, yuran perkhidmatan dan/atau caj-caj lain dari semasa ke semasa dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Penyewa sebelum tarikh berkuat kuasa. Bank boleh atas budi bicaranya, memberikan notis berkenaan dengan:

- (i) mempamerkan notis tersebut di premis Bank atau cawangan-cawangannya atau dengan menghantar notis tersebut kepada Penyewa tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh berkuat kuasa; atau
- (ii) mempamerkan notis tersebut melalui laman web Bank.

Pindaan atau perubahan berkenaan akan berkuat kuasa pada tarikh yang mungkin dipilih oleh Bank untuk diterima pakai dan yang mana Bank berhak untuk mendebitkan daripada akaun Penyewa.

23. Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis tiga puluh (30) hari kalendar (atau tempoh lain yang ditentukan oleh Bank) terlebih dahulu kepada Penyewa untuk pertukaran lokasi Peti ke



dan/atau pada mana-mana cawangan lain dalam Bank atau lokasi lain yang ditentukan oleh Bank. Pertukaran lokasi Peti boleh dilaksanakan sebaik sahaja tamat tempoh notis tersebut.

24. Penyewa boleh menjalankan pilihan berkenaan dengan menerima bahan-bahan pemasaran (termasuk penjualan silang, pemasaran dan promosi) pada bila-bila masa dengan menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan:

Pengurus
Kumpulan Perbankan RHB
Pusat Perkhidmatan Pelanggan
Tingkat 4, Crystal Plaza, No. 4, Jalan 51a/223, Seksyen 51a,
41600, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Nombor telefon: 03 9206 8118
E-mel: customer.service@rhbgroup.com

25. Penyewa hendaklah menanggung semua yuran profesional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan Peti.

26. Terma dan Syarat Khusus ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Umum bagi Perkhidmatan yang RHB Bank Berhad tawarkan di https://www.rhbgroup.com/files/personal/safe-deposit-box/TERMS_CONDITIONS_bm.pdf.